



لمباك قرومهن ملاك  
**LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA**

NO. 9-1, JALAN TU 49A,  
KOMPLEKS KOMERSIAL BOULEVARD, TAMAN TASIK UTAMA,  
75450 AYER KEROH, MELAKA  
Tel : 06-2320450 / 06-2320565 Fax : 06-2320452  
<http://lpm.gov.my>



Ruj. Kami : LPM.500-3/1/1( )  
Tarikh : 2 November 2022

**Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan,  
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri,  
Semua Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka,  
Semua Ketua Bahagian/Unit Jabatan Ketua Menteri Melaka.**

YB. Datuk/Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**IKLAN JAWATAN KOSONG DI LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA BIL. 1  
TAHUN 2022**

Warganegara Malaysia yang yang menetap di Melaka, berminat dan berkelayakan, berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon jawatan seperti berikut di Lembaga Perumahan Melaka :

- |                          |     |                                                                     |
|--------------------------|-----|---------------------------------------------------------------------|
| 1. JAWATAN               | :   | PEGAWAI TADBIR GRED N41                                             |
| SKIM PERKHIDMATAN        | :   | PEGAWAI TADBIR                                                      |
| KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | :   | PENTADBIRAN DAN SOKONGAN                                            |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN    | :   | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL                                          |
| KEKOSONGAN               | :   | 1 JAWATAN                                                           |
| TARAF JAWATAN            | :   | KONTRAK                                                             |
| GRED                     | :   | N41                                                                 |
| SYARAT LANTIKAN          | 1.  | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :- |
|                          | (a) | warganegara Malaysia;                                               |

- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00) ;atau
  - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43);  
atau
- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  - 3. Keutamaan diberikan kepada calon yang berpengalaman dalam bidang Komunikasi Korporat sekurang-kurangnya 2 tahun.

## 2. PERMOHONAN :

- a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Perjawatan Lembaga Perumahan Melaka (LPM) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web LPM di <https://lpnm.gov.my> dan juga boleh didapati dengan hadir sendiri di Kaunter Khidmat Pelanggan Lembaga Perumahan Melaka pada hari bekerja.
- b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :

PENGARAH EKSEKUTIF  
LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA  
NO. 9-1, JALAN TU 49A,  
KOMPLEKS KOMERSIAL BOULEVARD,  
TAMAN TASIK UTAMA,  
75450 AYER KEROH, MELAKA

- c) Tarikh tutup permohonan ialah pada **16 November 2022**.
- d) Permohonan yang berikut akan ditolak :-
- (i) Tidak menggunakan borang yang disediakan oleh Lembaga Perumahan Melaka;
  - (ii) Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan serta diakui sah;
  - (iii) Tidak lengkap atau tidak terang;
  - (iv) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
  - (v) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat;
  - (vi) Borang permohonan tidak ditandatangani serta tiada dituliskan tarikh.
- e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya;
- f) Bagi calon-calon yang telah ditemuduga tetapi tidak menerima apa-apa keputusan selepas 2 bulan dari tarikh temuduga hendaklah menganggap mereka tidak berjaya untuk dilantik ke jawatan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**  
**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD SALLEH BIN HAMIDOM)**  
Pengarah Eksekutif,  
Lembaga Perumahan Melaka